



Garispanduan Perkhidmatan Perpustakaan untuk Bayi-bayi dan Anak-anak Kecil

Garispanduan ini diterbitkan sebagai sebuah projek bersama (2006-2007) kesemua seksyen IFLA, **Divisyen III. – Perpustakaan-perpustakaan Berkhidmat untuk Orang Awam**, dan diselaraskan oleh Seksyen Perpustakaan-Perpustakaan untuk Kanak-kanak dan Para Remaja.

Divisyen III, termasuk:

- Perpustakaan-perpustakaan Awam
- Perpustakaan-perpustakaan Berkhidmat kepada Orang-orang Kurang Bernasib Baik
- Perpustakaan-Perpustakaan untuk Kanak-kanak dan Para Remaja
- Perpustakaan Sekolah dan Pusat-pusat Sumber
- Perpustakaan-perpustakaan Orang Cacat Penglihatan
- Perkhidmatan-perkhidmatan Perpustakaan untuk Penduduk Pelbagai Budaya
- Perpustakaan-perpustakaan Metropolitan

Ucapan terima kasih istimewa dipanjangkan pada **Kathy East**, Perpustakaan Awam Daerah Wood County, Bowling Green, Ohio, AS dan **Ivanka Stricevic**, Perpustakaan-perpustakaan Bandar Zagreb, Perpustakaan Awam Medvescak, Zagreb, Croatia kerana kerja mereka mengembangkan dan menyunting garispanduan ini.

KANDUNGAN

SEKSYEN SATU

Pengenalan í .	3
Tujuan Garispanduan í .	3
Sasaran í ..	4

SEKSYEN DUA

Misi perpustakaan kanak-kanak í í í í í í í í í í í í í í í í .	5
Memenuhi keperluan keluarga yang mempunyai anak-anak di bawah umur tiga tahun í í í í í í í í í í í í í í í .	5
Kumpulan-kumpulan sasaran í í í í í í í í í í í í í í í í í í í ..	6
Matlamat perkhidmatan perpustakaan untuk bayi-bayi dan anak-anak kecil í ..	7
Perkhidmatan-perkhidmatan í .	8
Bahan-bahan dan criteria pemilihan í í í í í í í í í í í í í í í í .	9
Persekitaran í .	10
Rangkaian í .	11
Publisiti / Hebahan í ..	11
Sumber-sumber manusia í .	12
Pengurusan dan penilaian í ..	12
Pembiayaan í ..	13

SEKSYEN TIGA

Senarai semak í .	14
---	----

SEKSYEN EMPAT

Amalan-amalan terbaik í .	23
---	----

SEKSYEN SATU

Garis panduan ini tertumpu kepada perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan untuk bayi-bayi¹ dan anak-anak kecil², keluarga-keluarga mereka dan organisasi-organisasi sokongan yang mengendali literasi awal dan perkhidmatan-perkhidmatan bersesuaian untuk mereka yang paling muda.

Pengenalan

Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak Bangsa-bangsa Bersatu (1989) menekankan hak setiap kanak-kanak untuk perkembangan potensi sepenuhnya kanak-kanak tersebut, hak mendapat akses percuma dan terbuka kepada maklumat, bahan-bahan dan program-program, dalam keadaan-keadaan yang sama untuk semua, tanpa mengambil kira umur, bangsa, jantina, latar belakang kebangsaan dan kebudayaan, bahasa, status sosial atau kemahiran-kemahiran dan keupayaan-keupayaan peribadi.

Ketersediaan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan untuk bayi dan anak-anak kecil amat penting. Penyelidikan mengenai perkembangan awal otak telah menunjukkan impak yang amat jelas bahawa bercakap, menyanyi dan membaca kepada bayi-bayi dan anak-anak kecil mempunyai kesan terhadap pemerolehan pertuturan dan bahawa bahasa mereka. Persekitaran anak tersebut menyumbang dengan penting kepada kemajuan kemahiran-kemahiran pra-membaca. Persekitaran yang merangsang pembacaan juga melibatkan ketersediaan bahan-bahan bacaan. Keluarga-keluarga di seluruh dunia memerlukan akses kepada peralatan yang tersedia di perpustakaan-perpustakaan setempat mereka. Pengenalan awal kepada perpustakaan membawa kepada suatu tahap penyelesaian, suatu kesediaan untuk meminta bantuan, satu tempat untuk mencari jawapan-jawapan dan untuk belajar tentang sumber-sumber dan teknologi-teknologi yang tersedia di sana atau melalui perpustakaan tersebut. Akses awal kepada perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan menjadi semakin penting bagi kanak-kanak yang mempunyai keperluan-keperluan khas seperti kanak-kanak yang dwi-bahasa, dan lain-lain. Pendedahan seperti itu memberi permulaan awal sebelum persekolahan rasmi.

Tujuan Garispanduan

Tujuan garispanduan ini adalah untuk membantu perpustakaan-perpustakaan awam berbagai negara di seluruh dunia untuk melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan kanak-kanak yang berkualiti tinggi. Garispanduan ini dicadangkan sebagai satu alat untuk para pustakawan yang terlatih dan berpengalaman yang mempunyai tanggungjawab terhadap memberi khidmat kepada keluarga-keluarga yang mempunyai bayi-bayi dan anak-anak kecil. Penyediaan dokumen garispanduan untuk para pengguna termuda ini

¹ Kanak-kanak dari Lahir hingga umur 12 bulan

² Kanak-kanak dari umur 12 bulan hingga umur 3 tahun

menyokong peribahasa Afrika, "Seluruh kampung diperlukan untuk membesarkan seorang anak."

Sasaran

Sasaran untuk garis panduan ini adalah para pustakawan yang sedang berkhidmat, pentadbir perpustakaan dan pembuat keputusan, pelajar dan jurulatih dalam program-program latihan sains perpustakaan dan maklumat.

SEKSYEN DUA

Misi perpustakaan kanak-kanak

Perpustakaan-perpustakaan awam menyediakan suatu peluang untuk kanak-kanak mengalami keseronokan membaca dan keterujaan menemui pengetahuan dan karya-karya rekaan dan imaginasi dengan mengadakan berbagai bahan dan kegiatan. Kanak-kanak dan para ibu-bapa mereka harus diajar bagaimana untuk mengguna perpustakaan dengan baik dan bagaimana untuk mengembangkan kemahiran-kemahiran penggunaan media bercetak dan elektronik. Kanak-kanak harus digalakkan untuk mengguna perpustakaan dari umur paling awal, kerana ini akan memungkinkan mereka kekal sebagai pengguna pada masa hadapan. (The Public Library Service ó IFLA/UNESCO Guidelines for Development, 2001) (*Perkhidmatan Perpustakaan Awam – IFLA/UNESCO Garispanduan untuk Kemajuan, 2001*)

Dengan memiliki berbagai bahan dan kegiatan, perpustakaan awam menyediakan suatu peluang untuk bayi-bayi dan anak-anak kecil, bersama-sama para pengasuh mereka, untuk mendapati suatu kawasan di mana mereka amat di alu-alukan, suatu kawasan yang kaya dengan sumber-sumber pembelajaran yang disesuaikan untuk mereka, dan kesempatan untuk mengalami kerianan irama, lagu-lagu serta buku-buku bercetak dan buku-buku khas untuk yang kurang daya atau cacat penglihatan (tactile books), yang cukup sesuai untuk kumpulan umur mereka. Menjadi sebahagian komuniti perpustakaan adalah satu pengalaman sosial awal yang akan mencetus keingintahuan dan imaginasi anak-anak itu. Melalui barang-barang mainan pendidikan, teka-silang dan buku-buku permainan, pengetahuan yang berkembang diantara ñanak kecil dengan pengasuhnyaö akhirnya akan membawa kepada satu perhubungan diantara ñanak kecil dengan buku-bukuö yang tersedia untuk mereka.

Persekitaran yang kaya dengan bahan bercetak adalah batu loncatan kepada pembacaan dan langkah seterusnya, penulisan. Juga, pengalaman positif di awal kehidupan, akan memupuk minat membaca sepanjang hayat dan peluang untuk mempunyai kemahiran-kemahiran literasi yang baik.

Memenuhi keperluan keluarga yang mempunyai anak-anak di bawah umur tiga tahun

Dalam lingkungan konteks pembelajaran keluarga dan pembelajaran sepanjang hayat, akses kreatif dan berimaginasi kepada perpustakaan-perpustakaan awam untuk kanak-kanak di bawah umur tiga tahun adalah hak asasi manusia dan ramuan untuk meningkatkan perkembangan mengenai angka dan literasi dalam kehidupan kemudian.

Perpustakaan-perpustakaan adalah untuk kesemua kanak-kanak, maka itu perpustakaan-perpustakaan awam perlu menyediakan bahan-bahan dan perkhidmatan-perkhidmatan

yang boleh diakses oleh kesemuanya tanpa terlepas mereka yang kurang upaya. Perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh diakses termasuk program-program kebudayaan di dalam perpustakaan, harus dirancang dengan keperluan-keperluan kesemua kanak-kanak kurang upaya agar mereka dapat disepadukan sepenuhnya ke dalam masyarakat dan dengan para pengguna lain.

Perhatian khusus harus diberi kepada keperluan-keperluan kanak-kanak di kawasan luar bandar dan di kawasan yang tidak mempunyai sebarang perkhidmatan langsung. Perkhidmatan perpustakaan bergerak harus disediakan dan kawasan setempat digunakan untuk program-program lengkungan luar.

Kanak-kanak dan keluarga mereka di kawasan bandar mungkin mempunyai keperluan-keperluan khusus. Di kawasan-kawasan metropolitan, terdapat sebahagian besar penduduk yang menderita berbagai bentuk kesengsaraan seperti kemiskinan dan buta huruf. Capaian ke luar dengan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan untuk bayi-bayi dan anak-anak kecil ini bukan hanya tertumpu kepada mereka yang miskin tegar di bandar-bandar besar. Mangsa kehidupan bandar besar mesti juga dipertimbangkan; para ibu-bapa yang keletihan akibat kehidupan yang mendesak manakala bilangan perkhidmatan yang tersedia amat banyak lagi membingungkan, dan para ibu-bapa yang terasing dari struktur keluarga tradisi adalah antara masalah-masalah lazim yang ditemui.

Kumpulan-kumpulan sasaran

Kanak-kanak kecil amat bergantung kepada ibu-bapa dan pengasuh mereka untuk mendapat akses kepada buku-buku, teknologi-teknologi baru dan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan. Perkara ini memberikan perpustakaan satu peluang untuk mempertimbangkan keperluan-keperluan orang dewasa dan untuk mempengaruhi kesedaran mereka mengenai kepentingan membaca, buku-buku, multimedia dan perpustakaan-perpustakaan dalam perkembangan anak-anak kecil ini.

Kumpulan-kumpulan sasaran untuk perkembangan dan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan kepada mereka yang muda ini adalah:

- Bayi-bayi dan anak-anak kecil (dibawah umur tiga tahun)
- Para ibu-bapa dan ahli keluarga lain
- Para penjaga yang sah
- Para pengasuh, contohnya budak pengasuh, kakitangan pusat penjagaan harian
- Para pendidik
- Para profesional penjagaan kesihatan
- Orang dewasa lain yang bekerja dengan kanak-kanak, buku-buku dan media

Matlamat perkhidmatan perpustakaan untuk bayi dan anak-anak kecil

- Untuk memudahkan hak setiap bayi dan anak kecil kepada suatu persekitaran yang mengandungi barang-barang mainan, buku-buku, multimedia dan sumber-sumber untuk mereka dan para ibu-bapa serta ahli-ahli keluarga lain; termasuk juga para pengasuh dan orang dewasa lain yang bekerja dengan kanak-kanak yang kecil;
- Untuk mewujudkan suatu persekitaran yang kaya dengan bahan bercetak bagi menggalakkan suasana cintakan membaca dan buku-buku;
- Untuk memberi akses awal kepada perkembangan kemahiran-kemahiran multimedia dan penggunaan teknologi;
- Untuk menyediakan bahan-bahan yang mendedahkan berbagai budaya dalam masyarakat;
- Untuk menggalakkan perkembangan pertuturan bayi-bayi dan anak-anak kecil;
- Untuk mengembangkan kemahiran-kemahiran bahasa dan dwi-bahasa, khususnya berkaitan kumpulan minoriti linguistik dan etnik;
- Untuk memberitahu para ibu-bapa, dan lain-lain mengenai kepentingan membaca/membaca kuat-kuat, mengguna buku-buku dan bahan-bahan lain serta kemahiran-kemahiran keibu-bapaan bagi menambahbaik perkembangan dan kemahiran-kemahiran pra-pembacaan kanak-kanak tersebut;
- Untuk melibatkan dan melatih para ibu-bapa dan pengasuh mengenai bahan-bahan dan sumber-sumber yang berpadanan umur yang tersedia di dalam perpustakaan awam mereka;
- Untuk memperkenalkan õceritaõ, untuk mendedahkan kanak-kanak; para ibu-bapa dan pengasuh mereka kepada keluarga-keluarga dan budaya-budaya lain;
- Untuk mewujudkan tabiat melawat perpustakaan-perpustakaan yang berjaya, untuk memimpin ke arah kejayaan literasi sepanjang hayat;
- Untuk menjadi penganjur dan saluran bagi mereka yang hidup dengan bayi-bayi dan anak-anak kecil ini, mengasuh dan mendidik mereka pada masa kini dan di masa hadapan;
- Untuk menyediakan suatu ruang untuk kanak-kanak dan para pengasuh mereka berkumpul, berkongsi dan bergaul;

- Untuk menyediakan suatu ruang yang mesra, mengalu-alukan dan selamat untuk kanak-kanak dan keluarga mereka.

Perkhidmatan-perkhidmatan

Perkhidmatan perpustakaan kanak-kanak harus dilihat sebagai suatu yang penting dan disediakan setaraf dengan perkhidmatan-perkhidmatan untuk orang dewasa. Perpustakaan-perpustakaan kanak-kanak harus memenuhi keperluan-keperluan pencarian, deria dan literasi bayi-bayi dan anak-anak kecil.

Bertutur, mendengar, membaca dan kemahiran-kemahiran literasi lain perlu diperkenalkan dan diperkukuhkan pada tahap perkembangan terawal. Musik, kawasan untuk bermain secara fizikal (dalam keadaan yang munasabah bagi sesebuah perpustakaan), pusat-pusat untuk drama kreatif, penjagaan rumahtangga, pelajaran sosial dan sains am, sebuah kawasan untuk sesuatu penemuan dan sumber-sumber untuk para ibu-bapa dan pengasuh harus mudah tersedia. Peluang-peluang latihan dan bengkel-bengkel olakukannya dan pastinya perlu disediakan di perpustakaan kanak-kanak untuk para ibu-bapa dan kesemua yang bekerja dengan kanak-kanak kecil.

Sajak berirama kanak-kanak, nyanyian untuk menidurkan anak-anak dan lagu-lagu lain, buku-buku bergambar dan bercerita, malah program-program komputer khas seperti buku-buku bergambar interaktif, adalah peralatan yang amat berfaedah untuk menyokong perkembangan pertuturan kanak-kanak kecil.

Seperti kemahiran-kemahiran mengenai angka dan literasi, kemahiran-kemahiran ICT digalakkan pada umur awal kanak-kanak itu, akan menyediakan mana-mana anak kecil dengan keupayaan pembelajaran yang dipercepatkan serta melengkapkan mereka dengan kemahiran-kemahiran hidup dan kerjaya sewaktu kehidupan formatif dan dewasa mereka.

Bengkel-bengkel harus dianjurkan untuk para ibu-bapa bayi-bayi dan anak-anak kecil ini serta para pengasuh dan penjaga yang sah, sebagai sebahagian dari pendidikan keluarga.

Bagi kebanyakan orang, perpustakaan awam bukanlah tempat pertama yang akan mereka kunjungi. Perpustakaan harus mendekati kehidupan orang-orang di dalam komuniti supaya dapat mendekati semua orang pada kesemua bahan untuk bayi-bayi dan anak-anak kecil. Bilik-bilik menunggu (para doktor, doktor gigi, rumah sakit), pusat-pusat pendidikan keluarga, koleksi-koleksi kecil dan istimewa buku bergambar di pusat-pusat penjagaan harian, dan pra-sekolah adalah tempat-tempat paling sesuai untuk mendekati kumpulan sasaran. Bekerjasama dengan kakitangan pusat-pusat penjagaan kesihatan adalah perlu kerana di kebanyakan negara, hampir kesemua ibu-bapa mengunjungi pusat-pusat ini dengan bayi-bayi mereka kerana pemeriksaan pertumbuhan, sukatan berat, perkembangan fizikal dan pertuturan dibuat secara kerap. Tahun-tahun awal adalah paling penting untuk perkembangan pertuturan, oleh itu kakitangan perpustakaan mesti memberi tumpuan kepada bekerja bersama-sama dalam satu rangkaian ahli profesional yang sesuai.

Tetapi bercerita, membaca kuat-kuat di luar perpustakaan juga sangat penting untuk memperjuangkan kepentingan membaca dan perkembangan pertuturan bagi kanak-kanak kecil. Taman-taman, bilik-bilik menunggu malah pasaraya-pasaraya merupakan tempat-tempat sesuai untuk melakukan kegiatan-kegiatan ini dengan kanak-kanak. Para ibu-bapa harus diberitahu tentang waktu bercerita dan program-program capaian ke luar sesebuah perpustakaan.

Perhatian istimewa diperlukan untuk para ibu-bapa yang bukan penutur asli bahasa sesebuah negara itu. Anak-anak mereka akan menjadi dwi-bahasa atau bertutur dalam bahasa yang amat berbeza dari ibu-bapanya. Adalah penting untuk menyokong keluarga-keluarga ini agar terus menggunakan bahasa/budaya mereka sendiri dan menyepadukannya ke dalam persekitaran baru mereka. Ketika ketiadaan buku-buku mahu pun para pustakawan, perkembangan lisan boleh dimasukkan dalam program-program capaian ke luar.

Bahan-bahan dan kriteria pemilihan

Apabila membina koleksi dan perkhidmatan, para pustakawan harus memilih bahan-bahan yang berkualiti tinggi, bersesuaian umur, selamat untuk bayi-bayi dan anak-anak kecil, mencabar tanpa bersifat menghampakan, layak diberi perhatian untuk para ibu-bapa dan pengasuh, tidak berat sebelah dan tidak seksis, menarik dan memuaskan untuk dibaca.

Buku-buku bergambar penting khususnya bagi kumpulan umur ini kerana buku-buku ini menyokong kesemua aspek perkembangan seorang kanak-kanak itu serta menyediakan suatu pengalaman yang menggembirakan, yang dikongsi bersama diantara orang dewasa dengan anak.

Buku-buku untuk bayi-bayi harus dibuat dari jenis kain yang berbeza (contohnya, buku-buku yang *õ*ada rasa, boleh sentuhö). Buku-buku khas untuk yang kurang daya atau cacat penglihatan bercirikan elemen-elemen yang boleh disentuh, dibaui dan didengar oleh kanak-kanak, akan memainkan peranan penting dalam perkembangan kemahiran-kemahiran literasi kanak-kanak kurang upaya.

Disebalik buku-buku bercetak dan bergambar tradisi, kanak-kanak memerlukan buku-buku bergambar dari fabrik lembut dengan warna-warna cerah yang kontras, dan beberapa bahan literasi ditambah dengan teks Braille, untuk menghiburkan kanak-kanak kurang daya penglihatan. Perpustakaan-perpustakaan untuk cacat penglihatan di negara-negara membangun perlu menyediakan koleksi buku-buku khas untuk yang kurang daya atau cacat penglihatan dan buku-buku audio istimewa yang boleh dipinjam oleh perpustakaan-perpustakaan awam. Jenis-jenis buku lain untuk kanak-kanak yang mempunyai ibu-bapa kurang daya penglihatan boleh memasukkan Braille pada satu muka surat dengan satu gambar pada muka surat bertentangan.

Bagi penduduk berbagai kebudayaan, perpustakaan-perpustakaan awam harus mempunyai bahan-bahan dwi-bahasa, bahan-bahan dalam berbagai bahasa ibunda dalam komuniti tersebut, bahan-bahan yang mendedahkan kepelbagaian komuniti. Buku-buku audio akan menawarkan maklumat untuk mereka yang tidak dapat membaca bahasa di negara mereka.

Perpustakaan-perpustakaan yang menyediakan barang-barang mainan sama ada untuk pinjaman atau untuk digunakan dalam perpustakaan juga perlu memberikan pertimbangan tertentu terhadap keselamatan dan kebersihannya. Barang-barang mainan harus menurut piawai keselamatan negara masing-masing.

Maklumat dan bahan-bahan pendidikan untuk para ibu-bapa harus termasuk dalam koleksi perpustakaan.

Persekitaran

Bayi-bayi dan anak-anak kecil berserta para ibu-bapa dan pengasuh mereka harus merasai bahawa perpustakaan itu adalah satu tempat yang boleh diakses, mengalu-alukan, menarik, selamat, tidak mencabar dan tidak mengancam untuk dilawati. Tiada halangan untuk mengakses, seperti tangga tanpa lif, atau pintu-pintu yang berat, atau kawasan yang mungkin tidak selamat untuk anak-anak kecil yang merangkak dan bertatih. Secara ideal, perkhidmatan-perkhidmatan untuk kanak-kanak termuda ini harus di suatu kawasan yang terletak di dalam kawasan kanak-kanak yang mempunyai barang-barang mainan untuk perkembangan anak-anak kecil, perabot bersaiz kanak-kanak atau hampan atau permukaan pada lantai yang bersih untuk bermain dan kawasan-kawasan bersih bagi penjagaan kumpulan umur ini, termasuk kemudahan tandas dan penyalinan lampin yang sesuai, sama ada paling hampir atau di dalam bangunan perpustakaan itu. Kawasan penyusuan badan atau botol untuk para ibu-bapa juga patut dipertimbangkan.

Tempat duduk untuk orang dewasa serta kanak-kanak harus disediakan. Penyediaan kemudahan ini akan memberi peluang kepada bayi-bayi, anak-anak kecil dan para ibu-bapa mereka untuk berinteraksi dengan keluarga-keluarga lain di kawasan itu.

Perpustakaan perlu mengutamakan keselamatan bagi kegunaan anak-anak kecil. Amalan baik yang harus dilakukan ialah pemeriksaan keselamatan ke atas perpustakaan dan mengambil tindakan untuk meminimumkan potensi bahaya, seperti sisi tajam pada perabot dan rak harus dilindungi, soket elektrik harus mempunyai penutupnya, dan sebagainya. Perpustakaan yang menyediakan barang-barang mainan mesti juga memastikan barang-barang mainan itu bersih dan selamat untuk diguna oleh kanak-kanak.

Pencahayaan yang baik dan warna kontras yang jelas akan memudahkan seseorang anak kurang daya penglihatan atau para ibu-bapa untuk merasai persekitaran itu dan menyesuaikan diri mereka di dalam perpustakaan.

Rangkaian

Banyak kumpulan dan organisasi di dalam komuniti mempunyai kepentingan hak terhadap ahli-ahli termuda komuniti tersebut. Apabila kemudahan penjagaan kesihatan di sesebuah kawasan itu wujud, para doktor, doktor gigi dan profesional lain yang menjaga bayi-bayi, anak-anak kecil dan para ibu-bapa mereka, akan perlu menjalin perkongsian bagi menawarkan maklumat dan bahan-bahan tentang penjagaan pencegahan, klinik-klinik percuma, akses kepada sumber-sumber khusus, dan lain-lain. Pusat-pusat penjagaan harian dan pra-sekolah boleh menyediakan maklumat dan kriteria untuk menggunakan kemudahan-kemudahan ini. Pusat-pusat komuniti boleh menghebahkan sumber-sumber dan program-program mereka untuk kumpulan umur ini, para ibu-bapa, pengasuh dan penjaga mereka. Sumber-sumber untuk persekolahan di rumah, pendidikan agama, latihan musik, dan lain-lain, boleh disediakan dalam buku-buku nota yang menarik atau pada papan buletin. Perpustakaan pula boleh menaikkan poster-poster, menyediakan dan mengedar kalendar-kalendar, penanda-penanda buku dan bahan-bahan promosi pembacaan dan perpustakaan yang lain, kepada kemudahan-kemudahan yang telah mereka jalinkan perkongsian bersama.

Pihak perpustakaan boleh bekerjasama dengan persatuan-persatuan pemulihan kanak-kanak atau kumpulan-kumpulan ibu-bapa setempat untuk menghubungi kanak-kanak kurang upaya. Para pustakawan boleh menjemput mereka untuk mengunjungi perpustakaan dan berbincang mengenai keperluan mereka bagi perkhidmatan dan bahan-bahan.

Publisiti / Hebahan

Perpustakaan kanak-kanak yang positif dan berprofil awam adalah amat penting kerana para ibu-bapa, pengasuh dan mereka yang bekerja dengan bayi-bayi dan anak-anak kecil ini akan melihat perpustakaan itu sebagai satu sumber di dalam komuniti untuk keluarga-keluarga ini membawa anak-anak kecil mereka untuk bergembira, berjumpa dengan kanak-kanak dan keluarga-keluarga lain, menghadiri program-program dan latihan-latihan kemahiran keibu-bapaan.

Publisiti boleh terdiri dari teknik-teknik mudah seperti risalah-risalah yang mengiklankan waktu pembukaan dan perkhidmatan-perkhidmatan, kepada kaedah-kaedah yang lebih canggih seperti program-program pemasaran dan penggunaan laman sesawang untuk mempromosi perkhidmatan-perkhidmatan dan kegiatan-kegiatan perpustakaan. Kesemua rakan kongsi di dalam komuniti harus terlibat sama dalam penghantaran bahan-bahan publisiti. Adalah perlu untuk bekerja secara konstruktif dengan produk-produk pemasaran yang mempunyai nilai estetika dan kandungan yang baik. Maklumat dan papan-papan tanda harus disediakan dalam bahasa-bahasa yang mencerminkan komuniti tersebut.

Sumber-sumber manusia

Setiap perpustakaan harus mempunyai sokongan dari seorang pustakawan yang bertauliah. Perpustakaan-perpustakaan kanak-kanak yang diurus secara profesional dan berkesan memerlukan para pustakawan kanak-kanak yang terlatih dan beriltizam dengan berbagai kemahiran dan latihan profesional dalam bidang perkembangan kanak-kanak, berpengetahuan mengenai kontinum literasi anak kecil dari lahir sehingga umur tiga tahun, memiliki sikap mendidik, mengenali bidang kesusasteraan kanak-kanak, bersifat kreatif dalam cara-cara membolehkan bayi-bayi dan anak-anak kecil saling berinteraksi, mempunyai kemahiran-kemahiran perancangan dan komunikasi untuk mengadakan persekitaran terbaik untuk kumpulan umur ini dan para ibu-bapa serta pengasuh mereka.

Sebuah perpustakaan harus mendapat sokongan dari seorang pustakawan yang berbakti dan terlatih untuk perkhidmatan dan keperluan-keperluan para pengguna yang kurang bernasib baik.

Kakitangan mesti mempunyai kemahiran-kemahiran dan keupayaan-keupayaan merentasi-kebudayaan/antara-kebudayaan. Kepelbagaian budaya di dalam sesebuah komuniti harus dicerminkan di kalangan kakitangan, sukarelawan, dan perpustakaan-perpustakaan harus menggunakan sumber pengetahuan para ibu-bapa yang mempunyai latar belakang berbagai kebudayaan.

Di samping para pustakawan kanak-kanak yang terlatih dan lengkap, para sukarelawan juga memainkan peranan yang penting. Para sukarelawan boleh dilatih untuk membaca kuat-kuat dan bercerita serta melakukan kegiatan-kegiatan tersebut di dalam dan di luar perpustakaan.

Pengurusan dan penilaian

Adalah penting bagi sesiapa yang mengurus perkhidmatan kanak-kanak menyertai seluruh proses perancangan untuk perpustakaan, supaya dipertanggungjawabkan mereka dengan kesedaran dan sokongan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan kanak-kanak dalam keseluruhan matlamat dan rancangan jangka panjang perpustakaan tersebut. Maklumat prestasi yang boleh dipercayai adalah alat penilaian dan penambahbaikan yang perlu ketika menyediakan perkhidmatan kepada kesemua bahagian populasi. Mengumpul statistik dan maklumat anekdot³ secara kerap, menunjukkan akauntabiliti, dan membantu keputusan-keputusan perancangan dan pengurusan masa hadapan. Bekerja dari kecekapan-kecekapan yang telah wujud menjamin kemajuan kakitangan yang berterusan, yang membolehkan perkhidmatan lebih baik diberi pada orang awam.

³ Rangkaian kata maklumat anekdot bermaksud mendengar cakap atau bukti atau maklumat yang terkumpul secara tidak rasmi melalui pertuturan lisan, juga disebut rekod tidak dicatat, sebagai contoh.

Mengumpul statistik mengenai sesebuah komuniti itu amat penting untuk membuat pemetaan mengenai kepelbagaian kebudayaan di kawasan yang diberi khidmat oleh sesebuah perpustakaan itu.

Pembiayaan

Pembiayaan utama harus datang dari pihak berkuasa kerajaan setempat atau kebangsaan yang bertanggungjawab ke atas penyediaan sebuah Perpustakaan Awam, atau di mana sesuai, mana-mana NGO (organisasi bukan kerajaan) dan organisasi lain yang sama yang mempunyai kuasa untuk menyediakan perkhidmatan perpustakaan awam secara percuma ketika diguna oleh kanak-kanak di setiap komuniti.

Pembiayaan tambahan seharusnya dialu-alukan dan dicari untuk menyediakan perkhidmatan tambahan yang tidak dapat disokong sepenuhnya melalui autoriti pembiayaan utama, contohnya skim buku-buku untuk bayi-bayi, skim pembacaan kebangsaan.

SEKSYEN TIGA


Senarai semak

Untuk mendapatkan keputusan terbaik ketika menggunakan alat penilaian ini, tandakan di dalam setiap kotak bulan dan tahun yang berpadanan dengan kemajuan anda: sebagai contoh, jika perpustakaan anda perlu mempertimbangkan termasuk perkhidmatan-perkhidmatan untuk bayi-bayi dan anak-anak kecil dalam kenyataan misi mereka, tandakan "2007".


Demi memberi perkhidmatan kepada BAYI-BAYI dan ANAK-ANAK KECIL, para ibu-bapa, keluarga, pengasuh dan mereka yang bekerja dengan kanak-kanak yang amat kecil ini,

maka setiap perpustakaan awam akan:


1. **berusaha menyediakan** perkhidmatan berkualiti tinggi untuk kanak-kanak, menyokong pembelajaran awal, dan pembelajaran sepanjang hayat, melihat pentingnya perkhidmatan-perkhidmatan ini, dan dianggap setaraf dengan, perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang dewasa.




2. **memasukkan** perkhidmatan untuk BAYI-BAYI (lahir . 12 bulan) dan ANAK-ANAK KECIL (12 bulan . 3 tahun) ke dalam kenyataan misi mereka.




3. **memastikan** kad perpustakaan dan hak keistimewaan perpustakaan diperolehi dengan mudah.




4. **memahami** keperluan untuk menyediakan papan tanda yang tersergam, dalam kedua-dua bentuk perkataan dan gambar foto, agar membolehkan para pengguna berdikari semasa melalui lokasi-lokasi perpustakaan.




5. **menyediakan** ruang yang dikhususkan bagi sumber-sumber untuk BAYI-BAYI dan ANAK-ANAK KECIL di kesemua lokasi perkhidmatan, termasuk perkhidmatan bergerak dan juga melalui perkhidmatan penghantaran.




6. **menyediakan** akses di bangunan perpustakaan untuk kereta sorong, kereta tolak anak-anak kecil, kerusi roda, alat membantu berjalan, dan lain-lain.




7. **memilih** dan membeli bahan-bahan untuk kumpulan sasaran ini, yang menyokong matlamat literasi untuk menambahkan para pembaca.+




8. **menyediakan** persekitaran yang mengalu-alukan, yang selesa dan selamat serta sesuai dengan peringkat awal perkembangan dan pembelajaran.




9. **menyediakan** sumber-sumber yang sesuai dengan umur secukupnya, dalam berbagai format, termasuk: barang-barang mainan, bahan bercetak, multimedia, teknologi dan alat-alat adaptif.




10. **menyediakan** bahan-bahan dan perkhidmatan yang boleh diakses oleh semua tanpa mengambil kira keupayaan.




11. **mengekalkan** kakitangan secukupnya untuk menawarkan perkhidmatan rujukan dan pembaca serta untuk mempersembahkan program-program.




12. **bertanggungjawab** ke atas peluang-peluang pendidikan dan program-program latihan terkini.




13. **mengenalpasti** dan memberi perhatian terhadap keperluan berbagai bahasa dan budaya para pengguna perpustakaan ketika memperoleh sumber-sumber dan merancang perkhidmatan-perkhidmatan.




14. **menawarkan** program-program dan kegiatan-kegiatan bersesuaian umur pada beberapa waktu dalam sehari dan berbagai hari dalam seminggu, untuk memenuhi berbagai jadual yang diikuti oleh para pengguna mereka.




15. **menyediakan** brosur maklumat mengenai perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan di seluruh komuniti untuk menarik perhatian kesemua orang dalam komuniti itu.




16. **menjalinkan** perkongsian dengan kumpulan-kumpulan dan organisasi-organisasi dalam komuniti untuk memastikan kemudahan, perkhidmatan, dan peluang terbaik disediakan untuk ahli-ahli paling muda komuniti itu.




17. **menjemput** para pembentang dan penceramah untuk menambah dan memperluaskan berbagai topik yang menjadi minat pengguna, seperti kemahiran keibu-bapaan, persediaan untuk ke tadika, dll.




18. **mendorong** keluarga-keluarga dan para pengasuh agar melihat perpustakaan sebagai sebuah destinasi untuk pembelajaran dan keseronokan.




19. **menghebahkan**, melalui laman sesawang dan berbagai cara lain, termasuk media lisan dan dalam bahasa komuniti itu, tentang nilai-nilai perpustakaan awam sebagai sumber komuniti yang kaya dan yang mengalu-alukan.




20. **menggalakkan** perjumpaan dan perbincangan tidak rasmi untuk memupuk kemahiran membina keyakinan dan menyelesaikan masalah bagi para ibu-bapa dan pengasuh.




21. **berdedikasi** terhadap mempunyai kakitangan yang cekap, peka dan pelbagai budaya, yang mencerminkan kumpulan penduduk komuniti, agar dapat berkhidmat untuk keperluan kesemua pengguna pelbagai budaya.




22. **menempatkan** alat-alat dan kriteria-kriteria penilaian untuk menyediakan akauntabiliti kakitangan dan menawarkan peluang-peluang kemajuan profesional agar dapat memastikan perkhidmatan yang cemerlang kepada kesemua bahagian masyarakat.



23. **berusaha** ke arah peruntukan utama yang mencukupi untuk menyediakan perpustakaan awam yang PERCUMA.



24. **berseiring** dengan amalan-amalan terbaik dari serata dunia dan menyesuaikan serta menerapkan idea-idea baru yang memanfaatkan perpustakaan ke arah kecemerlangan.



SEKSYEN EMPAT

Amalan-amalan terbaik

Dua divisyen dengan **Persatuan Perpustakaan Amerika** (Persatuan Perpustakaan Awam dan Persatuan Perkhidmatan Perpustakaan untuk Kanak-kanak) telah memajukan satu siri bengkel para ibu-bapa dan pengasuh untuk menyediakan perpustakaan-perpustakaan awam dengan peralatan penting bagi membantu para ibu-bapa untuk peranan penting mereka sebagai guru pertama kepada anak-anak mereka. Berasaskan penyelidikan mengenai literasi awal dan perkembangan otak, inisiatif *Every Child Ready to Read @ your library* (*Setiap Anak Bersedia untuk Membaca @ perpustakaan anda*) telah dilancarkan. Tujuan program ini adalah untuk memperkukuhkan peranan perpustakaan-perpustakaan awam sebagai rakan dalam kontinum pendidikan. Di dalam banyak komuniti, perpustakaan adalah salah satu dari beberapa sumber kepada para ibu-bapa yang tersedia dengan perancangan percuma, barang-barang mainan, buku-buku untuk dipinjam dan satu tempat yang mengalu-alukan kedatangan mereka dengan bayi-bayi dan anak-anak kecil mereka.

www.ala.org/alsc

Perpustakaan-perpustakaan awam di Amerika Syarikat sedang bekerjasama dengan stesen penyiaran awam (SPA) setempat mereka untuk mempromosi inisiatif *Ready to Learn* (*Bersedia untuk Belajar*). Dibiayai oleh Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat, inisiatif ini mewujudkan rancangan televisyen dan elektronik lain yang menarik ó kesemuanya dengan matlamat membantu kanak-kanak dari umur 2 tahun ke atas agar bersedia untuk membaca. Rancangan televisyen kegemaran terkini seperti *Between the Lions* dan *Sesame Street* adalah sebahagian perkongsian ini. Program-program baru yang akan dilancarkan dalam tahun 2007 dan 2008 termasuk *Worst World*, *Martha Speaks*, dan *The Electric Company*. Televisyen merupakan sebahagian besar dalam kehidupan ramai kanak-kanak. Usaha ini meletakkan ökualitiö ke dalam pilihan-pilihan yang tersedia untuk kanak-kanak paling kecil, dan para ibu-bapa serta pengasuh mereka.

www.pbs.org/readtolearn

Perpustakaan Awam Medvescak (Perpustakaan-perpustakaan Bandar Zagreb, **Croatia**) menyediakan pelbagai program harian untuk komuniti setempatnya, termasuk kegiatan-kegiatan untuk bayi-bayi, anak-anak kecil dan ibu-bapa mereka, seperti kegiatan-kegiatan bermain yang lazim yang dianjurkan lima kali seminggu termasuk bercerita, perkhidmatan pinjaman barang-barang mainan yang dibuka setiap hari, koleksi besar buku bergambar untuk anak-anak di bawah umur tiga tahun, koleksi buku-buku pendidikan dan majalah popular untuk para ibu-bapa, bengkel-bengkel dan ceramah-ceramah untuk para ibu-bapa yang telah dilakukan oleh ahli psikologi, ahli pedagogi, doktor, dll., dan penyertaan para ibu-bapa dengan kanak-kanak dalam kesemua kegiatan

ini. Program istimewa untuk bayi-bayi dengan ibu-bapa telah dimulakan pada tahun 1993.

www.knjizmed.hr

Seksyen Kanak-kanak dalam Persatuan Perpustakaan Croatia telah bekerja selama tiga tahun dalam projek *Read them from the earliest ages (Baca kepada mereka di umur paling awal)*. Para pustakawan kanak-kanak dari perpustakaan-perpustakaan awam setempat melawat pusat-pusat asuhan harian dan bercakap dengan para kakitangan dan ibu-bapa mengenai literasi awal, kepentingan pembacaan kepada kanak-kanak semenjak lahir, kaedah-kaedah membaca kuat-kuat dan mempamerkan buku-buku bergambar yang berkualiti kepada mereka yang termuda. Bahan-bahan maklumat dan pendidikan disediakan untuk para pendidik dan ibu-bapa, juga tersedia dalam talian.

http://www.hkdrustvo.hr/hr/strucna_tijela/17/publikacije/

Satu projek perpustakaan awam di **Denmark** dengan **Danish Library for the Blind** (Perpustakaan untuk Cacat Penglihatan Danish) dikenali sebagai *Det eventyrlige bibliotek* (Perpustakaan yang gemar mencuba sesuatu yang baru). Kumpulan sarannya adalah kanak-kanak yang mempunyai kecacatan dan keluarga mereka. Mereka dijemput ke perpustakaan untuk melihat perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan dan tawaran-tawaran kepada kanak-kanak kurang upaya serta mempunyai program-program yang direka khusus untuk keperluan-keperluan mereka.

www.dbb.dk

Pendidikan para pembaca masa hadapan adalah program seorang pengarang **Russian State Children's Library** (Perpustakaan Kanak-kanak Negeri Russia), yang disambung oleh perpustakaan-perpustakaan kanak-kanak Perm, Anadir dan bandar-bandar Russia yang lain. Program ini melibatkan pertemuan-pertemuan mingguan dengan anak-anak kecil di perpustakaan, di mana dalam bentuk permainan-permainan, bayi-bayi ini mendapat pendidikan literasi pertama mereka. Mereka dibacakan puisi dan cerita-cerita dan berbincang beberapa perkara. Tema-tema pertemuan ini berbeza, sebagai contoh: *The Autumn (Musim Gugur)*, *Brothers and Sisters (Abang-abang dan Kakak-kakak)*, *Poems about the Toys (Puisi mengenai Barang-barang mainan)*, dan lain-lain. Para pengarang program-program mengasaskan projek mereka pada idea L. Vigotsky dan F. Dalto. Mereka juga menerbitkan makalah-makalah di dalam majalah berkala Russia, yang membenarkan rakan-rakan lain untuk menggunakan pengalaman-pengalaman mereka.

Babies create with paints (Bayi-bayi mencipta dengan cat), iaitu pameran lukisan-lukisan bayi-bayi dan anak-anak kecil (6 bulan ó 2 tahun), yang dilukis di perpustakaan dan di rumah, telah diatur dalam **Russian State Children's Library**. Ia adalah projek bersama dengan International Children's Painting Gallery (Galeri Lukisan Kanak-kanak Antarabangsa) dan Children's House No. 29 (Rumah Kanak-kanak No. 29). Beberapa pelukis muda telah menggunakan berus tetapi kebanyakannya menggunakan jari-jari

mereka, tapak tangan (mungkin juga bahagian lain badan mereka). Gabungan warna dan ekspresi sungguh hebat sehingga kesemua pelawat perpustakaan merenung lukisan-lukisan itu, sementelah mereka menyangka bahawa ini adalah hasil karya profesional moden, sebelum mereka membaca maklumat mengenai projek tersebut. Bukan sahaja lukisan tetapi gambarfoto õpara pengarangnyaö juga dipersembahkan. Kesemua peserta pameran menerima diploma, yang dihantar kepada para ibu-bapa mereka, namun pada masa hadapan, bayi-bayi ini akan mengetahui bahawa mereka telah menerima hadiah õpertama dalam hidup mereka.ö

Beberapa **perpustakaan awam** di Catalonia, **Sepanyol**, telah terlibat dalam program *Born to read* (Nascuts per llegir) (*Dilahirkan untuk membaca*). Matlamat program adalah untuk mempromosi kecintaan pada membaca dari bulan-bulan pertama kehidupan, mengesahkan pertalian afektif diantara kanak-kanak dengan orang dewasa berkaitan sebuah buku dan, juga, untuk melibatkan komuniti yang menjaga kanak-kanak kecil seperti para ibu-bapa, doktor pakar kanak-kanak, jururawat, pustakawan, pakara pengajaran dan ahli profesional lain, yang berkaitan dengan kedua-dua buku dan kesusasteraan kanak-kanak. Projek ini berjalan untuk tempoh tiga tahun, dari tahun 2005 ó 2007, dan dituju kepada kesemua anak kecil yang lahir dari tahun 2005 seterusnya, di kawasan perbandaran yang termasuk dalam projek rintis ini.
<http://www.nascutsperllegir.org/>

The Barcelona Libraries (Spain) (Perpustakaan Barcelona (Sepanyol) telah menganjur *Reading club for new parents* (Kelab membaca untuk ibu-bapa baru). Ada ketikanya para ibu dan bapa yang baru mempunyai seorang anak belajar untuk menyampaikan kegembiraan membaca dan juga memperoleh akses kepada buku-buku yang membicarakan tugas menjadi ibu-bapa. Ideanya adalah untuk membolehkan mereka mengetahui mengenai kesusasteraan kanak-kanak yang ditujukan pada yang paling muda, serta merapatkan mereka kepada, dan untuk memulihkan, warisan lisan permainan-permainan kata-kata dan lagu-lagu õpangkuan atau ribaö tradisi. Kegiatan ini dijalankan di 3 buah perpustakaan dalam rangkaian Barcelona.

Babies Reading Service (Servei de lectura a petits lectors) (Perkhidmatan Membaca Bayi-bayi): Banyak dari **Barcelona's Province Municipal Libraries Network** (Catalona, **Sepanyol**) (Rangkaian Perpustakaan Perbandaran Daerah Barcelona) mempunyai seksyen tersedia yang secara eksklusif tertumpu kepada bayi-bayi, anak-anak kecil dan kanak-kanak termuda, yang mengandungi beberapa bahan sesuai untuk kumpulan umur ini, dan berhasrat untuk menaikkan minat membaca mereka dari umur yang paling awal. Di dalam seksyen ini, kanak-kanak mesti selalu ditemani oleh seorang dewasa yang akan menjaganya ketika mereka mengguna perkhidmatan ini. Terdapat satu laman sesawang untuk membentangkan pilihan buku-buku menarik bagi lebih memahami masalah-masalah mereka yang termuda dan untuk membantu mereka:

<http://www.diba.es/chilias/info/llistaguies.asp>

<http://www.diba.es/biblioteques/guia/serveis/llistaserveis.asp?servei=6>

Di dalam kebanyakan **perpustakaan awam Swedish** terdapat satu rak buku-buku untuk kanak-kanak kurang upaya. Rak ini dikenali sebagai *Apple shelf* (Rak epal)6 ia ditanda dengan sebiji epal. Di atas rak itu anda akan mendapati buku-buku yang mempunyai gambar-gambar dan simbol-simbol kebahagiaan, buku-buku video dalam bahasa isyarat untuk cacat pendengaran, buku-buku khas untuk kanak-kanak yang cacat penglihatan atau kurang daya penglihatan. Buku-buku khas ini dihasilkan oleh *Swedish Library of Talking Books* (Perpustakaan Buku-buku Bersuara Swedish) dan Braille (TPB). Seseengah perpustakaan juga menggunakan *Apple shelf* sebagai cara untuk memperaga barang-barang mainan pedagogi untuk kanak-kanak. *Swedish National Council of Cultural Affairs* (Majlis Kebangsaan mengenai Hal-ehwal Kebudayaan Swedish) telah menerbitkan garispuandu untuk perpustakaan-perpustakaan yang ingin memulakan rak epal mereka sendiri.

Norrebro Library (Perpustakaan Norrebro), sebuah perpustakaan awam di Copenhagen (**Denmark**), telah menjalankan satu projek merangsang bahasa semenjak September 2004, yang ditujukan pada kanak-kanak dan para ibu-bapa mereka di sebuah kawasan pelbagai kebudayaan dalam bandar tersebut. Melalui perhubungan peribadi dan dengan berkunjung keluarga-keluarga itu empat kali, dari lahir hingga mula bersekolah, perpustakaan ini hendak mewujudkan suatu kefahaman kebudayaan secara bersama untuk perkembangan bahasa dan pertuturan yang lebih baik. Keputusan awal projek ini menunjukkan peningkatan signifikan dalam bilangan keluarga yang mengunjungi perpustakaan. Projek ini telah membuka jalan kepada satu kerjasama berpasukan diantara kumpulan-kumpulan dengan keluarga-keluarga dwi-bahasa secara lebih meluas lagi, agar dapat memajukan idea-idea dan model-model baru. Tahun pertama, projek ini dijalankan dengan sokongan kewangan dari *Library Board Development Fund* (Dana Pembangunan Lembaga Perpustakaan).Projek *Biblioteksstyrelsen* akan diteruskan sebagai satu bahagian lazim dalam perkhidmatan perpustakaan, dengan sokongan kewangan dari sumber-sumber perpustakaan itu sendiri dengan bantuan dari *Ministry of Integration* (Kementerian Integras).
www.sprogporten.dk

Boekenpret ialah program promosi membaca dan memperbaiki kemahiran-kemahiran bahasa di **perpustakaan-perpustakaan awam di Netherlands**. Ia bertumpu kepada keluarga-keluarga (berpendidikan rendah), tidak kira orang Belanda asli mahu pun para pendatang, yang mempunyai anak-anak berumur diantara 0 hingga 6 tahun. Dalam sebuah rangkaian setempat, pusat-pusat penjagaan kesihatan kanak-kanak, pusat-pusat penjagaan harian, taska-taska (pra-sekolah), sekolah-sekolah rendah dan perpustakaan awam bekerja bersama-sama. Para profesional dididik oleh para pustakawan dengan satu kaedah khas kemahiran bahasa (Taallijn VVE). Dalam kesemua kumpulan umur (0-2, 2-4, 4-6), terdapat kegiatan-kegiatan di pusat-pusat kanak-kanak dan di rumah-rumah, berdasarkan bahan-bahan yang khusus dibangunkan. Koleksi buku-buku bergambar diletakkan di taska-taska dan pusat-pusat penjagaan harian supaya ibu-bapa terbiasa

dengan meminjam sebuah buku secara tetap. Para ibu-bapa dididik langkah demi langkah tentang membaca kuat-kuat, bagaimana mengguna buku-buku bergambar, menyanyi lagu-lagu, dll. Bengkel-bengkel ini (mesyuarat sambil minum kopi) dikelolakan dalam perpustakaan dan para ibu-bapa menerima beberapa bahan baru setiap bulan, seperti buku-buku kecil, boneka tangan, risalah-risalah, dll.
www.boekenpret.nl

Program *Books for baby* (Buku-buku untuk bayi) yang boleh dijumpai di kesemua **perpustakaan awam** di Quebec (**Canada**) menggalakkan para ibu-bapa baru mendaftarkan anak-anak mereka yang baru lahir di perpustakaan. Pada masa bahan ini ditulis, mereka menerima satu beg hadiah termasuk sebuah buku untuk anak-anak kecil, tip-tip membaca serta sebuah majalah yang dimaksudkan untuk para ibu-bapa baru. Program ini mencapai kejayaan besar dan memungkinkan keluarga-keluarga muda untuk mengetahui perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan di perpustakaan.

Dibangunkan oleh **Communication-Jeunesse** di Quebec (**Canada**), *Toup'tilitou* ialah satu program kesedaran terhadap membaca dan menulis untuk umur 0-5 tahun. Prinsip-prinsip program ini adalah: untuk menekankan tentang bermain dan perasaan gembira ketika menemui sesuatu; untuk menggalakkan pengendalian buku-buku semenjak lahir dan seterusnya; untuk mewujudkan satu perhubungan bagi anak-anak dengan buku-buku ketika ia bermain dengan buku-buku tersebut; dan untuk mencipta suatu persekitaran yang baik untuk membaca. *Toup'tilitou* menawarkan bengkel-bengkel tentang kesusasteraan kanak-kanak dan mempersembahkan buku-buku, mengenengahkan anugerah-anugerah tahunan untuk buku-buku, mencadangkan kegiatan-kegiatan dan persembahan-persembahan masa bercerita di perpustakaan, di pesta pameran buku dan acara-acara berkenaan kesusasteraan lain.

Hamilton Public Library (Ontario, **Canada**) (Perpustakaan Awam Hamilton) menawarkan satu persekitaran yang kaya pembelajaran, suatu tempat pertemuan tidak rasmi dan suatu tempat untuk dituju bagi keluarga-keluarga muda. *Play Corner* (Sudut untuk Bermain) perpustakaan itu dipenuhi dengan barang-barang mainan yang mempromosi literasi awal, perkembangan kemahiran-kemahiran motor dan perkembangan kognitif. Setiap perpustakaan cawangan mempunyai satu koleksi bahan-bahan keibu-bapaan untuk memberitahu para ibu-bapa tentang pertumbuhan dan perkembangan anak kecil mereka. Perancangan teras perpustakaan termasuk program mingguan *Story Time for Babies* (Masa Bercerita untuk Bayi-bayi) bermula semenjak kelahiran, inisiatif *The Every Child Ready to Read @ Your Library* (Setiap Anak Kecil Bersedia untuk Membaca @ Perpustakaan Anda), yang dibangunkan oleh American Library Association (Persatuan Perpustakaan Amerika), dimasukkan ke dalam program-program *Story Time*. Pendekatan bersepadu pada literasi awal ini secara halus menghubungkan perkongsian buku-buku yang baik dengan enam kemahiran yang perlu untuk pembacaan yang berjaya. Perpustakaan ini mempersembahkan irama, cerita-cerita, dan lagu-lagu pada kumpulan-kumpulan ibu dan bayi setempat untuk capaian ke luar

pada komuniti Hamilton yang berbagai. Kesemua ibu baru dilawati oleh seorang jururawat kesihatan awam di hospital. Semasa lawatan ini, mereka menerima sebuah beg buku *Read to Your Baby* (Membaca kepada Bayi Anda), maklumat hal perkembangan/kesihatan serta satu jemputan istimewa untuk mengunjungi perpustakaan setempat mereka. Mereka akan menerima sebuah buku bercetak percuma apabila mereka mendaftar dan mendapatkan kad perpustakaan untuk bayi yang baru lahir.

<http://www.myhamilton.ca/myhamilton/LibraryServices/>

Bookstart (Mulakan dengan Buku) (**United Kingdom**), yang diurus oleh *Booktrust* sebuah badan amal kebangsaan, adalah program kebangsaan pemberian buku bayi yang pertama di dunia. *Bookstart* bermula di UK dalam tahun 1992 dengan 300 bayi. Sehingga 2001, terdapat lebih satu juta bayi *Bookstart* (*Bookstart Partnership Report, 2003*) (*Laporan Perkongsian Bookstart, 2003*). Program ini dijalankan melalui satu program berbagai agensi yang melibatkan perpustakaan-perpustakaan awam, pihak-pihak berkuasa pendidikan dan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang menyediakan satu pek buku-buku percuma kepada setiap bayi, dengan bahan-bahan panduan untuk para ibu-bapa dan pengasuh dan sering mensasarkan mereka yang terasing secara sosial. *Bookstart pack* selalunya dihantar kepada keluarga-keluarga semasa pemeriksaan kesihatan bayi pada umur 7-9 bulan dengan pelawat kesihatan mereka. Pek ini termasuk satu beg kain layar yang mengandungi dua buah buku bercetak, sebuah buku puisi berirama kanak-kanak, nasihat mengenai berkongsi buku dengan satu senarai buku-buku yang baik untuk bayi-bayi, maklumat mengenai perpustakaan-perpustakaan dan satu jemputan untuk menyertai. Acara-acara tidak rasmi perpustakaan seperti masa puisi berirama atau masa bercerita juga ditawarkan.

Di England, dua pek tambahan telah tersedia semenjak 2006 ó *Bookstart Plus* (Mulakan dengan Buku Plus) untuk anak kecil berumur 18 bulan, dan *My Bookstart Treasure Chest* (Peti Harta Mulakan dengan Buku Saya), dituju kepada anak kecil yang berumur tiga tahun.

www.bookstart.co.uk

Bookstart Campaign (Kempen Mulakan dengan Buku) bermula pada April 2003 sebagai projek model untuk 903 bayi di pusat kesihatan awam Junrang, Seoul, **Korea Selatan**. *Bookstart Campaign* mula-mula dibangunkan di United Kingdom dalam tahun 1992, diikuti dengan pengembangan meluas serata dunia di dalam lebih dari 10 buah negara. Sebuah organisasi swasta *Bookstart Committee of Korea* (Jawatankuasa Mulakan dengan Buku Korea) telah diwujudkan untuk memperkenalkan Kempen ini pada orang-orang Korea, dan *Bookstart Campaigners* (Ahli-ahli Kempen Mulakan dengan Buku) dari negara UK dan negara Jepun telah dijemput untuk berbincang tentang pengalaman mereka dan kajian-kajian kes. Sehingga Ogos 2004, banyak organisasi persendirian dan perpustakaan awam secara aktif menyertai *Bookstart Campaign*. Daerah-daerah ini termasuk Junrang-gu di Seoul, Yonsu-gu di Inchon, Jung-gu di Seoul, Sunchon, Seocho-gu di Seoul, Jechon, Sokcho, dll. *Bookstart Campaign* bermula kali pertama di sebuah pusat kesihatan komuniti dengan menghadihkan buku-buku bergambar kepada bayi-bayi

dibawah umur satu tahun, tetapi apabila masa berlalu, perpustakaan-perpustakaan awam setempat menyertainya secara aktif dan dikaitkan dengan projek membaca.

Beautiful Granny Storyteller's Workshop Project (Projek Bengkel Nenek Pencerita yang Cantik) (Seoul, **Korea Selatan**) telah dirancang dan diselaras oleh *Seoul Society for Children's Library and Literature (SSCLL)* (Persatuan untuk Perpustakaan dan Kesusasteraan Kanak-kanak Seoul), dan disokong melalui *Grant for Women from Seoul City* (Geran untuk Wanita dari Bandar Seoul). Bengkel ke-tiga bermula dalam tahun 2004. Nenek-nenek belajar dan berlatih bercerita, membaca kuat-kuat, menyanyi lagu-lagu dan puisi berirama, dll. di bengkel-bengkel ini. Mereka mempunyai peluang untuk menjadi para pencerita secara sukarela di perpustakaan-perpustakaan, tadika-tadika, sekolah-sekolah, pusat-pusat pendidikan sosial, dll. Nenek-nenek (yang TUA) dan cucu-cucu (yang MUDA) berkumpul bersama-sama melalui cerita-cerita dongeng, buku-buku bergambar, dan cerita-cerita. Mereka bermain dan berkomunikasi diantara satu sama lain. Mereka juga menjadi biasa dengan kanak-kanak melalui kerja sukarela pada waktu bercerita di perpustakaan-perpustakaan sebagai seorang pencerita. Semenjak itu, banyak perpustakaan telah menggunakan para penyokong/sukarelawan untuk program-program perkhidmatan kanak-kanak, khususnya untuk waktu bercerita keluarga.

Inisiatif **Baerum Libraries (Norway)** iaitu *Project Health Care Centres* (Projek Pusat-pusat Penjagaan Kesihatan) telah dimulakan pada 1991. Tujuannya adalah untuk capaian ke luar kepada bakal ibu-bapa, para ibu-bapa yang mempunyai anak-anak kecil, para ibu-bapa berlatarbelakangkan minoriti etnik, para juvana dan bakal ibu-ibu yang menggunakan pusat-pusat penjagaan kesihatan di perbandaran Baerum, dengan maklumat tentang kepentingan buku-buku kanak-kanak untuk perkembangan bahasa. Pada tahun 2002, perpustakaan-perpustakaan dan pusat-pusat penjagaan kesihatan telah memutuskan di peringkat pentadbiran untuk meneruskan kerja-kerja ini melalui satu perjanjian tetap. Kerjasama diantara pusat-pusat penjagaan kesihatan dengan perpustakaan-perpustakaan memastikan bahawa setiap orang yang mempunyai anak-anak dari umur 9 ó 10 bulan diberikan kesedaran tentang perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan. Ini diperkukuhkan semasa pemeriksaan kesihatan selanjutnya. Kakitangan di pusat-pusat penjagaan kesihatan mengedar secara rutin brosur-brosur dan bahan-bahan yang disediakan oleh perpustakaan kepada para ibu-bapa, apabila anak-anak mereka berumur lebih kurang 9 -10 bulan dan sewaktu pemeriksaan pada umur 2 dan 4 tahun. Mereka berkongsi apa yang ditawarkan oleh perpustakaan dan mengingatkan para ibu-bapa mengenai kepentingan membaca kepada anak-anak mereka.

Terdapat banyak **perpustakaan bergerak Kanak-kanak** yang berbeza-beza yang menawarkan perkhidmatan yang disasar pada kanak-kanak di seluruh dunia. Tiga dari berikut wajar disebut secara khusus:

Soria Moria di **Norway** menyediakan sebuah kenderaan untuk kanak-kanak iaitu sebuah van yang sungguh berwarna-warni dengan boneka, hantu dan sebuah

kerusi untuk bercerita. Kenderaan ini melawat sekolah-sekolah, kumpulan-kumpulan bermain, dll. Van ini telah dengan layaknya memenangi hadiah *“olivery”* di IFLA 2005. Seorang pustakawan bersemangat menjalankan tugas bercerita cerita-cerita hantu sambil berpakaian sebagai hantu dan menarikan tarian gelek, serta membuat pertunjukan boneka. Ini adalah satu perkhidmatan capaian ke luar perpustakaan yang sungguh istimewa.

Netti Nysse dari Tampere (**Finland**) adalah perkhidmatan perpustakaan bergerak yang inovatif yang disediakan melalui dua buah kenderaan. Mereka berkhidmat kepada orang awam tetapi dengan penekanan terhadap kanak-kanak dan diperkukuhkan dengan sokongan ICT dan teknologi. Kenderaan asal adalah sebuah *“õbendi-bus”* yang mempunyai seksyen kanak-kanak dibahagian belakangnya.

Perkhidmatan **Perpustakaan awam Birmingham (UK)** mempunyai sebuah kenderaan sangat popular yang diguna khusus untuk kanak-kanak. Ia dijaga dengan sangat baik walau pun telah memberikan khidmat selama 15 tahun di kawasan-kawasan yang terpinggir secara sosial di Birmingham. Seperti perkhidmatan di Norway, terdapat seorang kakitangan yang bersemangat dan amat empati dengan para pelanggannya. Perkhidmatan ini melawat sekolah-sekolah, kumpulan-kumpulan bermain, pusat-pusat komuniti dan acara-acara khusus komuniti. Kenderaan ini telah dua kali memenangi anugerah *UK Mobilemeet*.

Beberapa penerbit **Afrika** sememangnya berusaha untuk mengatasi kekurangan bahan-bahan bacaan yang sesuai untuk bayi-bayi dan anak-anak kecil di perpustakaan-perpustakaan awam. *Nouvelles Editions Ivoiriennes* di Ivory Coast dan *Ruisseaux d’Afrique* di **Benin**, sebagai contoh, telah menerbitkan beberapa judul untuk kanak-kanak paling muda. Tetapi idea paling asli adalah *õpagnes-livresö*, iaitu buku-buku yang diperbuat dari kertas tisu, dicipta dan dicetak di **Mali**, yang terdapat dalam **perpustakaan-perpustakaan awam Mali** dan boleh õdibacakanõ pada anak-anak kecil serta mereka boleh memanipulasikan buku tersebut. Selepas sebuah buku Abjad nama-nama kanak-kanak Mali dan sebuah buku perkataan berilustrasi dalam bahasa Bamana (diterbit oleh CEBA), persatuan *Malira* baru-baru ini telah menghasilkan buku diperbuat dari kain yang ketiga, õ1, 2, 3õ, iaitu buku mengira yang menunjukkan sayur-sayuran dan nama-namanya dalam 4 bahasa Mali. Buku tersebut juga dijual di Perancis dengan keuntungannya diberi kepada dua buah perpustakaan kampung di kawasan Timbuktu.
www.malira.org

Perpustakaan Awam Urayasu di subbandar Tokyo, **Jepun**, menyediakan satu program bernama *Enjoying Nursery Rhymes with Babies* (Menikmati Puisi Kanak-kanak dengan Bayi-bayi) untuk bayi-bayi dan anak-anak kecil yang berumur antara 6-bulan dan 1-tahunõdan-2-bulan, dan anak-anak kecil berumur lebih 1-tahun-dan-3-bulan serta para ibu-bapa mereka. Ia dianjurkan sekali sebulan dengan kegiatan-kegiatan seperti membaca

kuat-kuat puisi kanak-kanak dan buku-buku bergambar. Para pustakawan melawat pusat-pusat penjagaan harian di bandar dan beberapa tadika awam untuk menawarkan perkhidmatan yang sama. *Bookstart Picture Book Program* (Program Mulakan dengan Buku-Buku Bergambar) ditawarkan sebulan sekali pada bayi-bayi berumur 5-bulan dan ibu-bapa mereka di berbagai kawasan perumahan untuk memudahkan para peserta. Ia diadakan dengan kerjasama bandar Urayasu. Perpustakaan Awam Urayasu menyediakan satu lagi program yang bernama *Picture Books for Parents and Children* (Buku-buku Bergambar untuk Para Ibu-bapa dan Kanak-kanak). Perpustakaan ini mempunyai reputasi kerana menyediakan tahap perkhidmatan yang amat tinggi di Jepun.

Terdapat sebanyak 1,840 kerajaan tempatan di Jepun dan *Bookstart Program* (Program Mulakan dengan Buku) ditawarkan pada 597 daripadanya. Di dalam banyak komuniti setempat, para pustakawan melawat pusat-pusat penjagaan kesihatan awam untuk memperkenalkan buku-buku pada pemeriksaan kesihatan untuk bayi-bayi dengan memberi secara percuma buku-buku bergambar, tetapi bandar Urayasu menawarkan perkhidmatan untuk bayi-bayi dan para ibu-bapa di perpustakaan. Perpustakaan-perpustakaan awam selalunya berkolaborasi dengan kumpulan-kumpulan sukarelawan tetapi perpustakaan ini unik kerana menawarkan kesemua perkhidmatan untuk bayi-bayi dan anak-anak kecil dengan tunjuk-ajar dari para pustakawan.

Osaka Prefectural Central Library (Perpustakaan Utama Daerah Osaka) terletak di daerah kedua terbesar di Jepun, selepas Tokyo. Ia menyediakan satu program yang bernama *Story-Telling Cradle* (Buaian untuk Bercerita) dengan permainan puisi kanak-kanak interaktif dan buku-buku bergambar untuk dibaca kuat-kuat bagi lebih kurang 15 keluarga dengan bayi-bayi dan anak-anak kecil diantara 5-bulan dengan 1-tahun, dan anak-anak kecil diantara 1-tahun dengan 2-tahun-dan-3-bulan, yang telah membuat prapendaftaran. Ia diadakan dua kali sebulan dalam sesi 3-bulan. Satu lagi program berjudul *Dandelion – Playground for Parents and Children* (Bunga Dandelion ó Taman Permainan untuk Para Ibu-bapa dan Kanak-kanak) diadakan dua kali sebulan untuk anak-anak kecil setakat 2-tahun dan ibu-bapa mereka bagi menawarkan kegiatan-kegiatan bersama buku-buku bergambar, permainan yang dimainkan dengan tangan, puisi kanak-kanak, dan permainan berirama. Sesiapa sahaja boleh menyertainya tanpa membuat prapendaftaran. Berkolaborasi dengan para pustakawan, para sukarelawan berkecuali staf kejururawatan, menunjuk-ajar para ibu-bapa tentang bagaimana untuk berinteraksi dengan kanak-kanak kecil melalui puisi kanak-kanak dan buku-buku. Di Jepun, perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan untuk bayi-bayi dan anak-anak kecil telah bermula dengan apa yang dikenali sebagai *healthcare libraries* (perpustakaan-perpustakaan penjagaan kesihatan) pada tahun 1980an, dan kini menarik minat yang kian bertambah berikutan *Bookstart* yang diwujudkan di UK dalam tahun 2000, *National Year of Reading for Children* (Tahun Kebangsaan untuk Membaca kepada Kanak-kanak), dan kewujudan *Law on the Promotion of Reading Activities for Children* (Undang-undang mengenai Promosi Kegiatan-kegiatan Membaca untuk Kanak-kanak) pada tahun 2001.

Bebeteca adalah nama strategi perpustakaan-perpustakaan awam di **Cuba** yang telah wujud 10 tahun yang lampau untuk memajukan ruang-ruang dan perkhidmatan-perkhidmatan baru bagi anak-anak kecil dan kanak-kanak muda dan keluarga-keluarga mereka. Perkara paling penting yang para ibu-bapa harus sedari ialah setiap anak kecil memiliki sedikit kreativiti. Dengan membentangkan kegiatan-kegiatan kreatif, para pustakawan melatih para ibu-bapa untuk memahami kepentingan ekspresi kreatif dalam perkembangan seseorang anak, dan keperluan untuk menyediakan peluang-peluang bagi kegiatan-kegiatan kreatif seperti bercerita, permainan olok-olok, dan menggunakan bahan-bahan senilukis. Para pustakawan menunjukkan pada para ibu-bapa bagaimana untuk memilih buku-buku yang bagus dan bagaimana untuk membaca kuat-kuat sebuah cerita agar dapat memastikan anak-anak mereka menjadi para pembaca di masa hadapan.

Cari: *Bebeteca programa nacional lectura Cuba*

Babies love books (Bayi-bayi cintakan buku-buku) ialah satu program **Perpustakaan Awam Wurzburg, Jerman**. Setiap minggu, ibu-ibu membawa bayi-bayi mereka melawat perpustakaan awam untuk menyertai program itu. Perpustakaan menyediakan kegiatan bercerita, bermain, dan menyanyi dengan kanak-kanak berumur dari lahir ó 3 tahun.

www.stadtbuecherei-wuerzburg.de

Para **pustakawan kanak-kanak di Paris (Perancis)** telah mencipta *L'arbre a histories* (Pokok Cerita) dengan seorang seniman, Alix Romero. Ianya struktur kayu berbentuk sebatang pokok setinggi 1.50 metre. Sepuluh kotak plastik yang seumpama rumah-rumah kecil disertakan. Setiap kotak mengandungi seting, figura barang-barang mainan dan objek-objek yang selaras dengan suatu cerita untuk anak-anak kecil. Figura-figura dan objek-objek ini boleh dikeluarkan dan dimanipulasikan. Diantara para pengarang dan cerita-cerita yang boleh didapati adalah Helen Oxbury, John Birmingham, Mary Wabbes, Michel Gay, *Goldilocks and the Three Bears* (Goldilocks dan Tiga Ekor Beruang), dll. Pustakawan akan mula membacakan cerita itu sambil menunjukkan ilustrasi-ilustrasi dan figura-figura di dalam buku pada sekumpulan kecil kanak-kanak yang berumur 1 dan 3 tahun dan para ibu-bapa atau pengasuh mereka. Kanak-kanak selalunya amat tertarik melihat ilustrasi-ilustrasi itu umpama benar-benar hidup. Mereka boleh, selepas mendengar cerita, mengendalikan buku (setiap anak kecil diberi satu naskah) bersama dengan berbagai figura dan objek. Selalunya, di penghujung kegiatan, didapati bahawa buku yang menarik perhatian mereka. Ini merupakan pengenalan sangat baik kepada buku-buku dan cerita-cerita untuk kanak-kanak dan untuk orang dewasa yang masih belum mengenali cerita-cerita rakyat ini.

Program *Baby Library 2.0* (Perpustakaan Bayi 2.0) adalah satu kegiatan baru di **Perpustakaan Danish** di Flensburg (**Jerman**) yang bermula pada tahun 2007, diilhamkan hasil dari perbincangan-perbincangan oleh Jawatankuasa Bertindak Seksyen Kanak-kanak IFLA. Program ini diadakan setiap Rabu selama dua jam. Di negara Jerman, di mana perpustakaan ini beroperasi, para ibu tinggal di rumah dengan anak-anak kecil untuk tempoh minimum 3 tahun, jadi terdapat banyak permintaan untuk sebuah

tempat untuk bertemu dan bertukar-tukar maklumat serta berkongsi pengalaman. Peralatannya adalah yang sama untuk kegiatan harian perpustakaan tetapi sebuah kereta sorong yang penuh dengan barang-barang mainan khusus untuk bayi ditambah dengan hamparan tebal untuk mereka yang paling muda. Kopi untuk orang dewasa dan jus untuk kanak-kanak disediakan. Program ini terdiri dari: satu persembahan ringkas lagu-lagu mudah, satu persembahan laman-laman sesawang berkualiti mengenai penjagaan anak-anak, permainan kad, satu pengenalan kepada majalah-majalah dan novel-novel baru untuk orang dewasa, CD musik untuk bayi-bayi dan cadangan-cadangan untuk lawatan sekeluarga. Satu blog sesawang digunakan sebagai alat merancang. Ia dikemaskini mengikut setiap persembahan. Persembahan-persembahan boleh digabungkan atau disatukan untuk menjadi suatu persembahan yang lebih panjang, sebagai contoh, di mesyuarat-mesyuarat untuk para ibu-bapa di tadika-tadika.
www.babybiblioteket.blogspot.com

“Learning the love of reading through a gift: an adult reading a story” (Belajar untuk menyintai pembacaan melalui satu hadiah: satu cerita yang dibacakan oleh seorang dewasa) adalah matlamat **projek kebangsaan Itali *Nati per Leggere*** yang dipromosikan semenjak 1999 oleh Paediatric Cultural Association (Persatuan Kebudayaan Pediatrik), Italian Libraries Association (Persatuan Perpustakaan-perpustakaan Itali) dan Centre for Child’s Health (Pusat Kesihatan Kanak-kanak). Tujuan projek ini adalah mempromosi kemunculan literasi awal melalui pembacaan kuat-kuat dan seluruh keluarga berkongsi pembacaan bermula semenjak tahun pertama kehidupan seorang kanak-kanak. Ini adalah satu peluang untuk menyediakan satu suasana sejahtera untuk bayi, untuk menggalakkan perkembangan bahasa dan untuk membina perhubungan diantara para ibu-bapa dengan anak-anak mereka. Pakar-pakar pediatrik kesihatan awam dilatih untuk menyediakan panduan pada para ibu-bapa tentang pentingnya pembacaan kuat-kuat sewaktu pemeriksaan anak-anak mereka yang berumur 6 bulan hingga 6 tahun. Di mana mungkin, sebuah buku baru diberi kepada anak-anak kecil semasa setiap lawatan dan para ibu-bapa dijemput mengguna perpustakaan. Banyak perpustakaan di seluruh negara telah menambah perkhidmatan-perkhidmatan, koleksi buku-buku, dan kegiatan-kegiatan untuk bayi-bayi dan ibu-bapa mereka, menyokong pengalaman membaca semula jadi pertama bayi-bayi dan memupuk mereka melalui kegiatan-kegiatan lain. Membaca kuat-kuat dan berkongsi buku-buku yang sesuai dengan perkembangan dan berkaitan keperluan-keperluan bayi ditunjukkan dalam *Manifesto on the First Book* (Manifesto mengenai Buku Pertama) yang dihasilkan di Brescia.
http://www.provincia.brescia.it/biblioteche/bibliografienpl/primo_libro.pdf
www.natiperleggere.it

Program *Bookstart* (Mulakan dengan buku) di **Brilon Public Library, Jerman**, (Perpustakaan Awam Brilon) dimulakan dalam bulan Januari 2006. Bekerjasama rapat dengan rumah sakit setempat dan doktor pakar kanak-kanak, setiap ibu mendapat dua bungkusan buku-buku percuma dan apa yang dipanggil *reading ladder for growing children* (tangga membaca untuk kanak-kanak sedang membesar) adalah untuk membangkitkan ilham, merangsang dan mencipta cintakan membaca. Bungkusan

pertama diberikan oleh jururawat rumah sakit sejurus kelahiran bayi tersebut. Bungkus kedua pula diberikan oleh doktor pakar kanak-kanak apabila anak itu berumur 2 tahun. Tangga membaca ini mempromosi idea mengenai sikap perkongsian awal buku di dalam lebih 150 komuniti di Jerman. Tangga membaca ini adalah satu kayu pengukur diperbuat dari plastik keras untuk kanak-kanak sehingga umur 10 tahun. Ia digantung di tempat-tempat awam: bilik-bilik menunggu para doktor dan ahli terapi pertuturan untuk kanak-kanak, tadika-tadika, sekolah-sekolah rendah dan perpustakaan-perpustakaan awam. Tangga tersebut memberikan maklumat asas mengenai bagaimana para ibu-bapa dapat menyokong literasi awal anak-anak mereka mengikut umur kanak-kanak itu. Sebagai tambahan, satu risalah kecil mengesyorkan cadangan buku-buku.

www.leselatte.de

www.buecherbabys.de

www.stadtbibliothek-brilon.de

Satu kawasan keibu-bapaan dan literasi keluarga di dalam **perpustakaan-perpustakaan awam di Amerika Syarikat** mempunyai satu koleksi buku-buku untuk membantu para ibu-bapa dengan tanggungjawab baru mereka. Di sini ada buku-buku yang memberitahu mengenai pertumbuhan dan kemajuan kemahiran bulan demi bulan, anak yang baru dilahirkan itu. Sumber-sumber juga mungkin juga termasuk nasihat bagaimana cara menangani jadual baru, tuntutan, dan stres untuk menyesuaikan dengan bayi baru dalam keluarga. Tempat duduk yang selesa memberikan satu ketika untuk berehat bagi membaca sebuah majalah keibu-bapaan, menyemak buku nota sumber komuniti untuk melihat jadual klinik kesihatan, berbual dengan ibu-bapa lain atau pun penjaga kanak-kanak yang sama umur, malah mereka bebas untuk menyusukan atau memberi makan bayi. Persekitaran penyayang ini membina keyakinan bagi para ibu-bapa dan penjaga, dan ini menjadi tumpuan dan kemahuan komuniti bagi menyediakan segalanya demi kesejahteraan setiap anak.

Translated into Bahasa Melayu by:

Associate Professor Fuziah M. Nadzar,
Senior Lecturer,
Faculty of Information Management,
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Puncak Perdana Campus, 40150 Shah Alam,
Selangor, Malaysia.

Tel. +603 7962 2112
Fax. +603 7962 2007
e-mail: fuziahmn@salam.uitm.edu.my